

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK (PDS) (Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan membeli produk ini. Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini)	RHB Insurance Berhad Perlindungan TC GAP Tarikh:										
1. Apakah produk ini?											
<p>Perlindungan TC GAP adalah pelan perlindungan kenderaan yang memberikan perlindungan sekiranya berlaku kejadian yang menyebabkan kenderaan anda diisytiharkan Kerugian Menyeluruh, hanya untuk pemilik kenderaan Nissan sahaja. Kerugian Menyeluruh bermaksud kecurian kenderaan bermotor, tidak berhemat dibaiki (BER) atau tuntutan kerugian menyeluruh sebenar (ATL) dibuat di bawah polisi insurans komprehensif.</p>											
2. Apakah perlindungan/manfaat-manfaat yang disediakan?											
<p>Return-to-Invoice (RTI) Kami akan membayar anda perbezaan di antara penyelesaian insurans kenderaan anda dan Harga Pembelian kenderaan anda sekiranya kenderaan anda diisytiharkan Kerugian Menyeluruh oleh penginsurans kenderaan komprehensif. Bayaran tuntutan maksimum adalah sehingga RM140,000.</p>											
3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?											
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Pelan</th> <th>2 tahun</th> <th>3 tahun</th> <th>4 tahun</th> <th>5 tahun</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kadar Premium Tunggal</td> <td>0.1414%</td> <td>0.3297%</td> <td>0.5460%</td> <td>0.7829%</td> </tr> </tbody> </table>		Pelan	2 tahun	3 tahun	4 tahun	5 tahun	Kadar Premium Tunggal	0.1414%	0.3297%	0.5460%	0.7829%
Pelan	2 tahun	3 tahun	4 tahun	5 tahun							
Kadar Premium Tunggal	0.1414%	0.3297%	0.5460%	0.7829%							
<p><i>Kadar Premium Tunggal yang dipaparkan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Tiada duti setem dikenakan.</i></p>											
<p>Premium (RM) = Jumlah Diinsuranskan × Kadar Premium Tunggal</p>											
<p>Nota Penting: <i>Liputan Perlindungan TC GAP untuk pelan 2, 3, 4, dan 5 tahun adalah berdasarkan tarikh pembelian kenderaan.</i></p>											
4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?											
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Jenis</th> <th>Jumlah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>a) Komisen</td> <td>10% daripada premium akan dibayar kepada ejen insurans</td> </tr> <tr> <td>b) Cukai Perkhidmatan</td> <td>8%</td> </tr> <tr> <td>c) Duti Setem</td> <td>-</td> </tr> </tbody> </table>		Jenis	Jumlah	a) Komisen	10% daripada premium akan dibayar kepada ejen insurans	b) Cukai Perkhidmatan	8%	c) Duti Setem	-		
Jenis	Jumlah										
a) Komisen	10% daripada premium akan dibayar kepada ejen insurans										
b) Cukai Perkhidmatan	8%										
c) Duti Setem	-										
5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?											
<p>a) <u>Kepentingan Pendedahan Maklumat (Kenyataan Menurut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013)</u> Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.</p> <p>b) <u>Tunai Sebelum Perlindungan</u> Adalah menjadi perkara asas dan memang menjadi syarat istimewa untuk kontrak insurans ini bahawa premium yang perlu dibayar mestilah dibayar dan diterima oleh pihak kami sebelum perlindungan bermula.</p> <p>c) <u>Kelayakan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemilik kenderaan Nissan persendirian. • Kenderaan baru dan kenderaan sedia ada yang telah berdaftar dan berusia kurang atau sama dengan 1 tahun. • Diinsuranskan di bawah polisi insurans motor komprehensif. <p>d) <u>Kawasan Geografi</u> Malaysia, Singapura dan Negara Brunei Darussalam</p> <p>e) <u>Kepentingan Menyimpan Resit Rasmi</u> Setelah premium dibayar, sila pastikan anda diberi Resit Rasmi sebagai bukti pembayaran. Anda dinasihatkan supaya menyimpan Resit Rasmi sebagai rujukan pada masa akan datang.</p>											
<p>Nota: <i>Ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada polisi dokumen untuk butir-butir penuh.</i></p>											
6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?											

Kami tidak akan membayar sebarang liabiliti di bawah keadaan berikut:

1. Sebarang eksekusi dipotong di bawah Polisi Insurans Kenderaan.
2. Tuntutan kenderaan anda ditolakkan atau diluluskan atas dasar ex-gratia.
3. Apabila kenderaan anda dicuri dan diperolehi semula sebelum penyelesaian tuntutan kenderaan kecuali dalam keadaan di mana kerosakan kepada kenderaan telah menyebabkan Kerugian Menyeluruh di bawah polisi insurans kenderaan komprehensif.
4. Kerugian, kerosakan, atau liabiliti yang disebabkan, dialami atau ditanggung semasa kenderaan anda, berkaitan dengan indemniti yang disediakan oleh Polisi ini, telah dipandu oleh orang lain selain pemandu dibenarkan atau orang yang memandu di bawah arahan anda atau dengan kebenaran anda.
5. Terlibat dalam perbuatan menyalahi undang-undang.
6. Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau berpunca daripada perbuatan Penipuan atau Pecah Amanah Jenayah oleh sesiapa sahaja.
7. Sebarang Kerugian Menyeluruh di mana Kerugian Menyeluruh berlaku sebelum polisi insurans ini bermula.
8. Jika kenderaan anda telah diubahsuai dalam apa-apa cara daripada spesifikasi pengeluaran.
9. Untuk sebarang kemalangan, kerugian atau kerosakan yang disebabkan, dialami atau ditanggung di luar Malaysia kecuali Singapura atau Negara Brunei Darussalam. Untuk mana-mana kemalangan, kerugian atau kerosakan yang disebabkan, dialami atau ditanggung, undang-undang digunapakai, enakmen atau peraturan yang berkaitan dengan had untuk tempoh liabiliti akan digunapakai.
10. Insiden kerosakan atau kecurian akibat perbuatan khianat, yang tidak disertai oleh laporan polis yang sah yang dibuat di negara berkenaan.
11. Kerugian Menyeluruh di mana memperbaiki, mengganti, kerugian, kerosakan atau liabiliti boleh dituntut atas waranti atau jaminan lebih khusus.
12. Akibat sebarang salah guna, perbuatan atau ketinggalan yang sengaja, menyalahi undang-undang atau cuai pada pihak anda.

Nota: Ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada polisi dokumen untuk butir-butir penuh.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada syarikat insurans. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan sebahagian daripada premium dengan syarat tiada tuntutan dibuat ke atas polisi.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan/ butir-butir peribadi?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan maklumat anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat dengan lebih terperinci?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan tentang Perlindungan TC Gap, sila rujuk kepada ejen insurans RHB Insurance dan Cawangan Bank, Pusat Hubungan Pelanggan atau lawati laman web kami di insurance.rhbgroup.com.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

RHB INSURANCE CUSTOMER RELATIONSHIP CENTRE

Leel 1, Tower Three, RHB Centre,
Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.
Tel: 1300 220 007; Fax: 03-2163 7277
Email: rhbi.general@rhbgroup.com
WhatsApp: 012-603 1978

10. Lain-lain jenis perlindungan yang boleh didapati

Sila rujuk kepada pihak insurans anda/pengantara untuk lain-lain pelan insurans yang ditawarkan.

NOTIS PENTING :

ANDA MESTI MEMASTIKAN BAHAWA POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA DIKEHENDAKI MEMBACA DAN MEMAHAMI KANDUNGAN POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang terkandung di sini adalah berkuatkuasa bermula **01/03/2024**